

Tuanku Mizan gembira hasrat UiTM wujud hospital hampir jadi kenyataan

SHAH ALAM: Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin gembira apabila hasrat Universiti Teknologi Mara (UiTM) untuk mewujudkan hospital berasaskan pelancongan hampir menjadi realiti apabila ia diluluskan kerajaan.

Baginda bertitah, baginda sendiri turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) bersama dua universiti dari Kanada dan Amerika Syarikat bagi mendapat kerjasama dan membantu UiTM memperkasakan bidang perubatan.

“Selain itu, setiap tahun serama 50 graduan terbaik dari UiTM akan diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana dan PhD di universiti seperti Oxford, Cambridge, Yale, Harvard, Stanford dan universiti lain di negara maju.

“Graduan ini akan berkhidmat di UiTM selepas tamat pengajian dan memperturunkan ilmu mereka kepada siswa dan siswinya. Dengan cara ini, UiTM akan menjadi sebuah universiti yang terbilang di dunia,” titah baginda.

Tuanku Mizan yang juga Canselor UiTM bertitah demikian pada sidang pertama Konvokesyen UiTM ke-73 di Dewan Sri Budiman di kampus induk universiti itu di sini, semalam. Turut berangkat, Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah. Turut hadir, Naib Canselor UiTM, Profesor Datuk Dr Sahol Hamid Abu Bakar.

Seramai 21,475 graduan mendapat diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah (PhD) masing-masing pada Istiadat Konvokesyen ke-73 UiTM yang bermula semalam hingga 6 Disember ini.